



KENYATAAN MEDIA

GANDINGAN BANYAK PIHAK BANTU INDUSTRI PERIKANAN TERJEJAS COVID-19

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas terhadap **artikel akhbar tempatan baru-baru ini mengenai “Industri Perikanan Lumpuh”** yang terkesan dengan impak COVID-19, terutamanya melibatkan isu tenaga kerja dan bekalan ikan yang merosot seterusnya peningkatan harga ikan di pasaran.
2. Sebagai usaha untuk memastikan bekalan ikan adalah terjamin, pihak Kerajaan telah memudahcara industri dengan menyenaraikan sektor perikanan serta industri berkaitan di sepanjang rantai bekalan makanan sebagai perkhidmatan perlu atau *essential services*.
3. Bagi maksud ini, untuk memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara, sektor pertanian termasuk perikanan adalah antara sektor yang dibenarkan untuk pengambilan pekerja asing dengan mematuhi kesemua syarat yang ditetapkan oleh agensi kawalselia.
4. Semua pekerja asing wajib memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang mana perkara ini telah dimaklumkan seawal tahun 2015 lagi bagi pihak industri membuat persediaan sewajarnya.
5. Bagi mengawal wabak pandemik ini, kemasukan pekerja asing perlu mematuhi SOP yang ketat termasuk kos perjalanan dan kuarantin yang perlu ditanggung oleh pengusaha sendiri dengan anggaran RM6,000 setiap pekerja. Sehingga kini, seramai 1,048 kru asing yang telah diluluskan PLKS oleh Jabatan Imigresen di Semenanjung Malaysia.
6. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan adalah komited bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan menyediakan program, inisiatif dan kemudahan bagi menggalakkan penglibatan rakyat tempatan. Antaranya adalah :
 - i. **Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan**
Dana Jaminan Makanan RM150 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk transformasi nelayan tradisi ke laut dalam melalui perolehan vesel moden berteknologi tinggi. Pengusaha berpeluang menyediakan kemudahan ruang penginapan yang selesa serta komunikasi digital untuk menarik minat pekerja tempatan.
 - ii. **Skim Pembiayaan Bot Perikanan i(SPBP-i) di Agrobank**
Pemohon mendapat had pembiayaan sehingga 90% daripada kos projek pembinaan vesel moden dengan kadar faedah sebanyak 3.75 % bagi tempoh 10 tahun.
 - iii. **Program Penjana Kerjaya 2.0**

Pengusaha vesel perikanan laut dalam boleh mengambil peluang menggunakan insentif-insentif menarik di bawah skim ini untuk menarik minat pekerja tempatan yang kehilangan pekerjaan akibat wabak Covid-19 bekerja di atas vesel mereka.

iv. **Latihan Dalam Bidang Perikanan Tangkapan**

Peluang kepada belia untuk mengikuti latihan dalam bidang perikanan tangkapan di Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Perak dan Akedemi Perikanan Malaysia, Terengganu. Latihan, kediaman dan makan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan pelatih menerima elaun RM 200 sebulan.

7. Pandemik ini juga telah memberi kesan kepada pendaratan ikan negara disebabkan penurunan jumlah vesel beroperasi ke laut. Pada tahun 2020 pendaratan ikan merosot sebanyak **5 peratus** berbanding tahun 2019 dengan jumlah pendaratan sebanyak **1.385 juta t.m.**
8. Penurunan jumlah operasi vesel laut dalam ini telah mengakibatkan pengurangan sebanyak 50,683 tan metrik ikan seluruh Malaysia iaitu merosot sebanyak 8 peratus berbanding tahun 2019. Manakala bagi negeri Kelantan **pendaratan ikan merosot sebanyak 24 peratus**, daripada 56,790 tan metrik pada tahun 2019 kepada 43,070 tan metrik pada tahun 2020.
9. Perbandingan harga ikan untuk minggu ke dua Februari 2021 berbanding minggu ke dua Februari 2020 (sebelum kesan wabak Covid-19) bagi 20 spesies ikan terpilih didapati harga borong telah meningkat sebanyak 10.1 peratus manakala harga runcit telah meningkat sebanyak 6.4 peratus. (*sumber: Sistem e-Pengisytiharan LKIM*)
10. Sebagai contoh, bagi tempoh yang sama, harga bagi spesis Kembung meningkat 5.6 peratus (dari RM14.05/kg kepada RM14.83/kg), Selar meningkat 7.1 peratus (dari RM13.74 kepada RM14.72/kg), Aya Kurik menurun sebanyak 4.2 peratus (dari RM10.85/kg kepada RM10.39/kg) dan Pelaling menurun 12.9 peratus (dari RM12.12/kg kepada RM10.56/kg). (*sumber: Sistem e-Pengisytiharan LKIM*)
11. DOF berharap segala usaha pemodenan vesel terutama peningkatan ruang penginapan yang lebih selesa dengan kemudahan komunikasi digital dapat menarik minat rakyat tempatan menceburi bidang perikanan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

19 Februari 2021 (Jumaat)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email: ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my